



# Siddiq

EDUCATION

## Tajwid & Tadabbur Al Fatihah

**SESI PERCUMA**  
**KHAMIS | 10 JULAI 2025**

# Penceramah



## **DR MUHAMMAD NUR WAAFI BIN BADRULDIN**

- Pemegang Tauliah Mengajar JAIS (Kod M2-A) – khusus pengajaran Al-Quran
- Ijazah Sarjana Muda AL-Quran (Qiraat) – Universiti Al-Azhar, Shoubra Mesir
- Sanad Qiraat Imam Hafs An Asim
- Sanah Qiraat Imam Abi Jaafar
- Sarjana (Master) dalam Syariah & Ekonomi – Universiti Malaya
- Ph.D., Pembangunan Belia - Pendidikan Tidak Formal - Universiti Putra Malaysia

# Tajwid & Tadabbur Al Fatihah

- **Keperluan & cara bacaan bertajwid mengikut sanad**
- **Menghayati maksud setiap ayat dalam Surah Al Fatihah**

# الفَاتِحَة

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ١

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ٢

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ٣ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ٤

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ٥ أَهْدِنَا

الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ٦ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ

عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ

وَلَا الضَّالِّينَ ٧

# الْفَاتِحَة

**Surah Fatihah diturunkan di Mekah dan Madinah.**

**Riwayat mengatakan bahawa ia diturunkan sebanyak dua kali.**

**Ia adalah surah yang teragung di dalam Al-Qur'an.**

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 1. Al-Fātiḥah (Pembuka) الْفَاتِحَة

Dinamakan sebagai pembuka kitab, kerana ia surah pertama dalam susunan mushaf dan dibaca pertama dalam solat.

Imam al-Bukhari menamakan dalam kitab Sahih beliau:

"باب فضل فاتحة الكتاب"

**(Bab Keutamaan Surah al-Fatihah)**

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 2. Umm al-Kitāb (Ibu Kitab) أمُّ الْكِتَابِ

Sabda Rasulullah SAW:

"الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ أُمُّ الْقُرْآنِ، وَهِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ"

(Surah "Alhamdulillah Rabbil 'Alamin" adalah Umm al-Qur'an, dan ia adalah As-Sab'ul Mathani dan al-Qur'an al-'Azhim.)

**(HR. At-Tirmizi, Ahmad - sahih)**

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 3. Umm al-Qur'ān (Ibu al-Qur'an) أمُّ الْقُرْآنِ

Hadis di atas menyebutkan juga Umm al-Qur'an sebagai nama bagi Surah Al-Fatihah. Ini menunjukkan surah ini mencerminkan keseluruhan isi al-Qur'an.

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 4. As-Sab'ul Mathānī (Tujuh Ayat yang Diulang-ulang)

السَّبْعُ الْمَثَانِي

Allah berfirman dalam al-Quran:

"وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ سَبْعًا مِّنَ الْمَثَانِي وَالْقُرْآنَ الْعَظِيمَ"

(Dan sungguh Kami telah memberikan kepadamu tujuh ayat yang diulang-ulang dan al-Qur'an yang agung.)

**[Surah Al-Hijr, 15:87]**

Tafsir Ibnu Kathir dan al-Qurtubi menyatakan:

"Tujuh ayat itu adalah Surah Al-Fatihah."

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 5. Al-Ḥamd (Pujian) الحَمْدُ

Rasulullah SAW bersabda:

"فَإِذَا قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، قَالَ اللَّهُ: حمدني عبدي..."

(Apabila hamba membaca: Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Allah berfirman:  
Hamba-Ku memuji-Ku...)

**(HR. Muslim, hadis Qudsi)**

Ini menunjukkan surah ini dikenali dengan nama "Al-Ḥamd".

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 6. As-Salāh (Solat) الصَّلَاة

Sabda Rasulullah SAW dalam hadis Qudsi:

"قَسَمْتُ الصَّلَاةَ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي نِصْفَيْنِ..."

(Aku membahagikan solat antara Aku dan hamba-Ku...)

**(HR. Muslim)**

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 7. Ash-Shifā' (Penyembuh) الشِّفَاءُ

Diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam Syu'ab al-Iman dan Ibn Qayyim dalam Zad al-Ma'ad:

"فاتحة الكتاب شفاء من كل داء"

(Al-Fatihah adalah penyembuh bagi setiap penyakit)

Dinilai hasan oleh ulama hadis.

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 8. Ar-Ruqyah (Penawar/Jampi) الرُّقْيَةُ

Diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri:

Seorang sahabat membacakan Surah Al-Fatihah kepada orang yang disengat, lalu sembuh. Nabi SAW bersabda:

"وما يدريك أنها رقية؟"

(Bagaimana kamu tahu bahawa ia adalah ruqyah?)

**(HR. Al-Bukhari dan Muslim)**

# NAMA-NAMA AL-FATIHAH

## 10. Al-Asās (Asas) الأَسَاس

Dalil Tidak Langsung: Dinyatakan oleh para ulama tafsir (seperti al-Qurtubi dan as-Suyuti) bahawa ia adalah asas kepada kandungan Quran – tauhid, ibadah, doa, dan hidayah.

# Hadith-Hadith Berkaitan Al-Fatihah

# Hadith Qudsi: Allah Menjawab Setiap Ayat Al-Fatihah dalam Solat.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى قَسَمْتُ الصَّلَاةَ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي نِصْفَيْنِ وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ فَإِذَا قَالَ  
الْعَبْدُ { الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ } قَالَ اللَّهُ تَعَالَى حَمِدَنِي عَبْدِي وَإِذَا قَالَ {  
الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ } قَالَ اللَّهُ تَعَالَى أَتْنِي عَلَيَّ عَبْدِي وَإِذَا قَالَ { مَا لِكَ يَوْمَ الدِّينِ }  
قَالَ مَجَّدَنِي عَبْدِي وَقَالَ مَرَّةً فَوَضَّ إِلَيَّ عَبْدِي فَإِذَا قَالَ { إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ  
} قَالَ هَذَا بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ فَإِذَا قَالَ { اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ  
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ } قَالَ هَذَا لِعَبْدِي  
وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ

# Hadith Qudsi: Allah Menjawab Setiap Ayat Al-Fatihah dalam Solat.

Allah berfirman, 'Aku telah membahagikan solat antara-Ku dan hamba-Ku kepada dua bahagian, dan hamba-Ku akan mendapat apa yang dia minta. Apabila hamba itu berkata, "Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam." **Allah berkata, 'Hamba-Ku memuji-Ku.** "Ketika hamba itu berkata: "Maha Pengasih lagi Maha Penyayang." Allah berkata, "Hamba-Ku memuji-Ku." Ketika hamba itu berkata: "pemilik hari kiamat." Allah berfirman, 'Hamba-Ku telah mengagungkan-Ku.' Apabila hamba itu berkata, ' Hanya kepada-Mulah kami sembah dan hanya kepada-Mulah kami mohon bantuan.' Allah berkata, 'Ini adalah antara Aku dengan hamba-Ku. Dan hamba-Ku akan mendapat apa yang dia minta'. Apabila hamba itu berkata, 'Beri kami petunjuk jalan yang lurus, jalan orang-orang yang Engkau telah beri nikmat atas mereka, bukan jalan orang-orang yang dimurkai mahupun orang-orang yang tersesat. " **Tuhan berkata, 'Ini untuk hamba-Ku, dan hamba-Ku akan mendapat apa yang dia inginkan. "**

**(HR. Muslim No. 598)**

# Hadith tentang Keistimewaan Surah Al-Fatihah yang Tidak Diberi kepada Nabi Lain

Sabda Rasulullah SAW:

ما أنزل الله في التوراة ولا في الإنجيلِ مثلَ أمِّ القرآنِ، وهي السبعُ المثاني، وهي مقسومةٌ بيني وبينَ عبدي...

(Allah tidak menurunkan di dalam Taurat dan dalam Injil sesuatu seperti Ibu Al-Qur'an, iaitu al-Sab'u Mathani, dan ia terbahagi antara Aku dan hamba-Ku...)

(HR. Tirmizi, no. 2875 - Hasan Sahih)

(HR. Muslim No. 598)

# Hadith Solat Tidak Sah Tanpa Membaca Al-Fatihah

"لا صلاة لمن لم يقرأ بفاتحة الكتاب"

*(Tiada solat bagi sesiapa yang tidak membaca Surah al-Fatihah.)*

**(HR. Bukhari, no. 756; Muslim, no. 394 – Sahih)**

# Hadith: Surah Teragung dalam Al-Qur'an

Sabda Rasulullah SAW:

Rasulullah SAW bertanya kepada Abu Sa'id bin Al-Mu'alla RA:

"لأعلمنك أعظم سورة في القرآن... الحمد لله رب العالمين، هي السبع المثاني  
والقرآن العظيم الذي أُعطيته"

"Aku akan mengajarkan kepada kamu Surah yang paling agung dalam Al-Qur'an... Al-Hamdulillah, Tuhan Semesta Alam. Ia adalah al-Sab'u Mathani dan Al-Qur'an yang agung yang telah diberikan kepadaku."

(HR. Bukhari, no. 4474 - Sahih)

# Surah Al- Fatihah

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (۱)

**بِسْمِ** : Permulaan setiap amalan harus dimulakan dengan nama Allah sebagai tanda pengabdian dan kebergantungan.

Huruf **بِ** 'ba' dalam **بِسْمِ** itu adalah sesuatu yang menjadi perbincangan ulama'. Huruf 'ba' itu mempunyai banyak kegunaan dalam bahasa Arab. Ulama' mengatakan terdapat 20 makna yang boleh diambil apabila ada penggunaan 'ba' itu.

Perbincangan ulama' mengatakan bahawa 'ba' dalam basmallah ini membawa dua (2) maksud: **ba' musaahabah** dan **ba' istia'nah**.

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (۱)

**Ba' musaahabah** bermaksud **mendekatkan diri dengan Allah** ﷻ. Bermaksud kita hendak mendekatkan diri 'dengan' Allah ﷻ supaya perbuatan yang kita buat itu mendapat keberkatan daripada Allah ﷻ apabila kita membaca basmallah.

**Ba' istiaanaah** pula bermaksud kita **mengharapkan pertolongan daripada Allah** ﷻ. Semoga dengan izin dan pertolongan Allah ﷻ, usaha kita itu akan berjaya. Kita sebagai manusia yang hina, memang amat mengharapkan pertolongan dari Allah ﷻ. Tidak akan berjaya sesuatu usaha itu tanpa ada pertolongan daripada Allah ﷻ.

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (١)

اللَّهُ

Nama untuk Rabb. Dikatakan bahawa Allah ﷻ adalah al-ismul a'zham (nama yang paling agung), hanya Allah yang layak disembah dan mencakupi semua sifat kesempurnaan.

Terdapat 2 pendapat:

### (الله) Allah → (الإله) Al-Ilāh

- Pendapat paling kuat dan diterima luas.
- "Allah" berasal daripada perkataan "al-Ilāh" (الإله) yang bermaksud "Tuhan yang layak disembah"

- Memang nama asalNya.
- Dalam bahasa **Aramaik** dan **Ibrani** (bahasa Nabi Isa dan Nabi Musa), perkataan yang hampir dengan "Allah" ialah:

I. **Eloah** (إلوه) – dalam Ibrani

II. **Alaha** – dalam Aramaik

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (۱)

الرَّحْمَنِ Yang Maha Pemurah. Terdapat dua (2) pendapat:

**Ar-Rahman** iaitu sifat Pemurah Allah ﷻ yang diberikan kepada **seluruh makhluknya** (mukmin ataupun tidak) termasuk haiwan-haiwan dan sebagainya.

**Ar-Rahman** iaitu sifat Pemurah Allah ﷻ seperti **orang kaya yang dermawan**

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (۱)

الرَّحِيمِ Yang Maha Mengasihani.

I.Ar- Raheem ini dikhususkan kasih sayangNya kepada **hamba yang beriman**, terutamanya di akhirat (orang mukmin sahaja).

II.Ar-Raheem iaitu sifat Pengasih Allah ﷻ ketika Dia **memberi kasih sayangNya** itu.

## بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (١)

ADAKAH BASMALAH INI DARIPADA AYAT-AYAT SETIAP SURAH  
ATAU SEKADAR KALIMAH YANG BERDIRI SENDIRI?

Di antara ulama' yang mengatakan bahawa basmalah **adalah ayat daripada setiap surah** adalah Ibnu Abbas, Ibnu Umar, Ibnu Az-Zubair, Abu Hurairah dan Ali.

Imam Malik dan Abu Hanifah berpendapat bahawa basmalah itu **bukan termasuk Surah Al-Fatihah** dan tidak juga surah-surah lainnya.

## الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (٢)

الْحَمْدُ لِلَّهِ Segala pujian milik Allah, mengajar hati untuk **syukur**, bukan keluh.

Ibnu Jarir رحمه الله mengatakan 'Alhamdulillah' merupakan pujian yang disampaikan Allah جلَّ جلاله untuk diri-Nya. Di dalamnya terkandung perintah kepada hamba-hamba-Nya supaya mereka memuji-Nya seolah-olah Dia mengatakan "Ucapkanlah, alhamdulillah."

## الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (٢)

Pujian ada banyak jenis:

1. Pujian Allah ﷻ kepada Diri-Nya.
2. Pujian Allah ﷻ kepada makhluk. Contohnya pujian Allah ﷻ kepada Nabi.
3. Pujian makhluk kepada Allah ﷻ. Ini sesuatu yang biasa.
4. Pujian makhluk kepada makhluk. Sebagai contoh, kita selalunya memuji orang lain kerana mereka cantik, pandai atau sebagainya.

## الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (٢)

Perkataan الْحَمْدُ bukan hanya bermaksud ‘pujian’ sahaja. Ia sebenarnya mengandungi dua maksud di dalamnya: **‘pujian’** dan juga **‘terima kasih’**.

Ataupun boleh disebut التعظيم والمحبة.

Kalau pujian, dalam bahasa Arab ia adalah ‘madh’. Manakala terima kasih dalam bahasa Arab adalah ‘syukr’. Apabila dua perkataan itu digabungkan, ia menjadi الْحَمْدُ.

Perkataan الْحَمْدُ adalah satu kata nama – noun. Bukan kata kerja – verb. Jikalau ia kata kerja, ia memerlukan ‘pembuat’. Contohnya, satu perkataan itu tidak lengkap jika begini: “makan nasi”. Kita perlu nyatakan siapakah yang memakan nasi itu. Maka, ayat yang lengkap adalah “Ahmad makan nasi”.

## الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (٢)

Ini bermakna, kata kerja memerlukan pembuat/pelaku kepada perbuatan itu. Namun, perkataan الْحَمْدُ bukanlah kata kerja, tetapi dalam bentuk kata nama. Ia tidak memerlukan pembuat. Bermakna, pujian kepada Allah ﷻ tidak memerlukan pembuat.

Ucapan yang diajar rasulullah ﷺ ketika melihat sesuatu yang disukai dan dibenci

## الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (٢)

Hadis Nabi ﷺ yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, al-Baihaqi dan al-Tabrani,

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا رَأَى مَا يُحِبُّ قَالَ الْحَمْدُ  
لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَمُّ الصَّالِحَاتُ وَإِذَا رَأَى مَا يَكْرَهُ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ

Daripada Sayyidatina Aisyah RA, beliau berkata; "Apabila Rasulullah ﷺ melihat sesuatu yang baginda sukai, baginda akan mengucapkan: "Segala puji bagi Allah yang dengan nikmat-Nya semua kebaikan menjadi sempurna." Dan apabila baginda melihat sesuatu yang tidak disukai, baginda mengucapkan: "Segala puji bagi Allah atas setiap keadaan."

## الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (٢)

رَبِّ

Tuhan yang **mencipta, memelihara, membimbing** – menunjukkan kasih sayang dan kawalan mutlak.

Pernah dengar satu hadith sahih Muslim yang meyebut perkataan ini.

قَالَ " أَنْ تَلِدَ الْأُمَّةُ رَبَّتَهَا

*Maka Nabi SAW menjawab: (Antara tandanya ialah) apabila seorang hamba wanita melahirkan tuannya...*

Rabbun mesti merangkumi tiga (3) sifat ini iaitu  
**Al-Malik, Al-Khaliq, Al-Mudabbir.**

## الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (٢)

الْعَالَمِينَ

Semua makhluk dalam kewujudan – manusia, jin, malaikat, haiwan.

Bukanlah bermaksud alam ini. Akan tetapi yang dimaksudkan adalah manusia dan jin.

Ini kerana kalau dimaksudkan seluruh alam ini, seperti planet, bulan, matahari dan sebagainya, perkataan lain yang digunakan. Dari satu segi, memang perkataan al-a'lamin ini termasuk dengan sekalian alam.

وَمَا هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ

*Dan Al Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi seluruh umat*

**[Al-Qalam:52]**

digunakan, tetapi ia tentu sekali merujuk kepada jin dan علمين Lihat kalimah .manusia kerana jin dan manusia sahaja yang membawa Al-Qur'an

## الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ (٣)

الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ Penegasan kedua – Menunjukkan Allah itu penuh dengan rahmat.

Setiap nikmat dan ujian pun adalah sebahagian dari kasih-Nya kepada kita. Tidak ada yang putus harap dengan rahmat Allah ﷻ melainkan orang kafir sahaja. Allah berfirman:

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ  
الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

[Az-Zumar:53]

## الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ (٣)

والذي نفسي بيده ! لو لم تذبوا لذهب الله بكم ، ولجاء بقوم يذنبون ، فيستغفرون  
الله ، فيغفر لهم

“Demi Dzat yang jiwaku berada di tangannya, kalau seandainya kalian tidak berdosa maka Allah akan membinasakan kalian dan sungguh Allah akan mendatangkan suatu kaum yang berdosa lalu mereka beristighfar kepada Allah lalu Allah mengampuni mereka.”

(Daripada Abu Hurairah Sahih Muslim : 2749)

## مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (٤)

**مَلِكِ** Allah adalah Pemilik mutlak - tiada siapa boleh bersuara atau mengelak di hari akhirat.

Qiraat 1: Maalik. Ia bermaksud 'mempunyai' atau memiliki. Dan apabila kita 'mempunyai', memiliki sesuatu benda, kita boleh buat apa sahaja kita mahu dengan benda itu. Sebab ia adalah hak kita. Namun, kadangkala, kalau kita memiliki sesuatu pun, tidak semestinya kita boleh berbuat dengannya sesuka hati kita. Ada halangan dalam kita menggunakannya tetapi tidak bagi Allah.

Qiraat 2: Malik: bermaksud 'raja'. Raja adalah seseorang yang berkuasa di sesuatu negeri itu dan apabila dia memerintahkan sesuatu perkara, rakyat di bawahnya mesti patuh.

## مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (٤)

**يَوْمِ** Hari yang pasti - akhir dari dunia, permulaan abad

Maksud 'يَوْمِ' adalah satu jangkamasa. Secara literal, ia bermaksud 'hari'. Namun sebenarnya, ia bukan hanya bermaksud 'hari'. Dalam penggunaan biasa, selalunya 'yaum' ini bermaksud 'satu hari'. Akan tetapi dalam penggunaan yang lebih luas, ia adalah lebih lagi. Ia merangkumi masa dari sesaat sehinggalah beribu tahun.

## مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (٤)

**الدِّينِ** Hari pembalasan – segala amal dihitung, tiada yang tertinggal.

Seperti yang kita telah sebut, ada banyak maksud bagi kalimah **الدِّينِ**. Jangan sangka ada satu makna sahaja (seperti yang disalahfahami oleh sesetengah orang). Kerana tidak fahamlah, maka sesetengah yang menterjemahkan **يَوْمِ الدِّينِ** sebagai 'Hari Agama'. Ini adalah kerana mereka tahu satu maksud sahaja. Sedangkan ia adalah satu perkataan yang menyeluruh.

Merangkumi makna **Kekuasaan, Ketaatan, Cara hidup, Hukuman.**

## مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (٤)

Ini adalah kerana dalam kehidupan kita di dunia ini bukanlah untuk mengikut nafsu sahaja. Tidaklah hidup kita di dunia ini dijadikan sia-sia sahaja. Bukanlah saja-saja sahaja Allah ﷻ menjadikan kita. Seperti yang disebut dalam ayat

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

“Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (daripada tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?”

**[surah Al-Mukminoon:115]**

Nanti kita di sana, akan merasa susahnyanya walaupun kita orang paling senang di dunia dan begitulah sebaliknya.

## مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (٤)

Daripada Anas bin Malik رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, Rasulullah ﷺ bersabda:

يُؤْتَى بِأَنعَمِ أَهْلِ الدُّنْيَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيُصْبَغُ فِي النَّارِ صَبْغَةً  
ثُمَّ يُقَالُ يَا ابْنَ آدَمَ هَلْ رَأَيْتَ خَيْرًا قَطُّ هَلْ مَرَّ بِكَ نَعِيمٌ قَطُّ  
فَيَقُولُ لَا وَاللَّهِ يَا رَبِّ

Seseorang yang paling senang hidupnya di dunia daripada ahli neraka dibawa pada hari Kiamat lalu dicelup ke dalam neraka. Kemudian dikatakan kepadanya: Wahai anak Adam. Adakah engkau pernah melihat sebarang kesenangan? Adakah kenikmatan pernah muncul dalam hidup engkau? Orang itu menjawab: Tidak, demi Allah, wahai tuhanku.

## مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (٤)

وَيُوتَى بِأَشَدِّ النَّاسِ بُؤْسًا فِي الدُّنْيَا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيُصْبَعُ صَبْغَةً فِي الْجَنَّةِ  
فَيَقَالُ لَهُ يَا ابْنَ آدَمَ هَلْ رَأَيْتَ بُؤْسًا قَطُّ هَلْ مَرَّ بِكَ شِدَّةٌ قَطُّ  
فَيَقُولُ لَا وَاللَّهِ يَا رَبِّ مَا مَرَّ بِي بُؤْسٌ قَطُّ وَلَا رَأَيْتُ شِدَّةً قَطُّ

Dibawakan pula seseorang yang paling susah hidupnya di dunia daripada ahli syurga, lalu dicelup ke dalam syurga. Lalu ditanya kepada beliau: Wahai anak Adam. Adakah engkau pernah melihat sebarang kesusahan? Adakah kesusahan pernah muncul dalam hidup engkau? Dia menjawab: Tidak, demi Allah, wahai tuhan ku. Tidak pernah kesusahan muncul dalam hidup ku dan tidak pernah aku melihat sebarang kesusahan.

**(Sahih Muslim, Kitab Sifat al-Qiyamah wa al-Jannah wa an-Nar, no: 2807)**

## مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (٤)

**مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ** adalah satu ayat yang mempunyai makna **targhib dan tarhib**. **Targhib** adalah ayat-ayat yang **menggalakkan** kita untuk berbuat baik manakala **Tarhib** adalah ayat-ayat yang **menakutkan** kita untuk berbuat jahat. Selalunya, satu-satu ayat itu ada elemen targhib sahaja atau tarhib sahaja. Jarang ada ayat yang ada dua-dua elemen.

Ia menjadi satu harapan kepada orang yang dizalimi dan menjadi satu ancaman kepada orang yang menzalimi.

## مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (٤)

Jangan rasa kita orang istimewa dan akan terselamat dari neraka. Kalau kita ada rasa seperti itu, kita akan menjadi seperti lelaki dalam surah al-Kahfi: 36 yang berasa dia akan selamat.

وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِن رُّدِدْتُ إِلَىٰ رَبِّي لَأُجِدَنَّ خَيْرًا مِنْهَا مُنْقَلَبًا

Dan aku tidak fikir, hari kiamat akan berlaku; dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sebagaimana kepercayaanmu), tentulah aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini.

# إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (٥)

**إِيَّاكَ** Penekanan – hanya Engkau, bukan selain-Mu.

**نَعْبُدُ** Ibadah bukan hanya solat – merangkumi hidup kita sepenuhnya, dari hati hingga perbuatan.

Tafsir ayat ini adalah Surah Zumar (surah ke 39). Kepada Allah ﷻ lah sahaja tempat kita sembah. Inilah intisari keseluruhan Al-Qur'an. Iaitu ibadat hanya kepada Allah ﷻ dan minta tolong hanya kepada Allah ﷻ. Sebagai contoh:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ

Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab (Al-Qur'an) kepadamu (Muhammad) dengan (membawa) kebenaran. Maka sembahlah Allah sahaja dengan tulus ikhlas beragama kepada-Nya.

**[surah Az-Zumar:2]**

## إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (٥)

Iaitu pada ayat **فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ** yang bermaksud:

Hendaklah kamu sembah Allah sahaja tulus ikhlas kepada-Nya dalam penyembahan. Apabila kita berkata tentang ibadah, kita kena faham skop ibadah itu yang melibatkan beberapa perkara: lidah, hati dan juga tubuh.

**Ibadah hati:** tahu siapa Allah ﷻ dan terima Allah ﷻ sebagai Rabb kita.

**Ibadah Lidah:** mengucapkan syahadah dan menyampaikan pemahaman itu kepada orang lain.

**Ibadah Tubuh:** melakukan ibadat seperti solat, puasa, haji dan sebagainya.

# إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (٥)

**وَإِيَّاكَ** Ulang lagi untuk tegaskan: hanya Allah tempat bergantung.  
**نَسْتَعِينُ** Mohon pertolongan untuk segalanya – urusan dunia dan akhirat.

Tafsir ayat ini dalam surah-surah HAWAMIM tujuh, iaitu dalam **Surah Ghafir, Fussilat, as-Syura, az-Zukhruf, ad-Dukhan, al-Jaasiah dan al-Ahqaf**. Tujuh surah ini menafikan syirik dalam berdoa.

## إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (٥)

Tafsir kalimat **إِيَّاكَ نَسْتَعِينُ**

ini terdapat dalam Surah Ha Mim Ghafir (dinamakan juga Ha Mim Mukmin) surah ke 40. Allah menceritakan cara untuk kembali dan berdoa.

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمْ آيَاتِهِ وَيُنَزِّلُ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ رِزْقًا وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَنْ يُنِيبُ (١٣)  
فَادْعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ (١٤)

(Dialah Tuhan yang memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda keesaan-Nya dan kekuasaan-Nya (untuk kehidupan rohani kamu), dan yang menurunkan (untuk jasmani kamu) sebab-sebab rezeki dari langit. Dan tiadalah yang ingat serta mengambil pelajaran (daripada yang demikian) melainkan orang yang hendak kembali (kepada Allah). Oleh itu maka sembahlah (dalam bentuk doa) kamu akan Allah dengan mengikhlaskan ibadat (doa) kepada-Nya (dan menjauhi bawaan syirik), sekalipun orang-orang kafir tidak menyukai (amalan kamu yang demikian).

[Ghafir:14]

## إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (٥)

Inilah yang Allah sebutkan." Allah berkata, 'Ini adalah antara Aku dengan hamba-Ku. Dan hamba-Ku akan mendapat apa yang dia minta', dalam hadith yang awal tadi.

إِيَّاكَ نَعْبُدُ Hanya Engkau yang layak kami sembah.

إِيَّاكَ نَسْتَعِينُ Hanya Engkau yang layak kami minta pertolongan.

Ayat ini merupakan sebuah ikrar kita di hadapan Allah ﷻ. Iaitu kita berikrar dan berjanji kepada Allah ﷻ bahawa kita akan hanya beribadat kepada Allah ﷻ dan hanya berdoa kepada Allah ﷻ sahaja.

## إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (٥)

Allah ﷻ beri perumpamaan seorang hamba yang mempunyai lebih daripada satu tuan dalam surah Az-Zumar:29

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَاكِسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا لِرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا  
الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

(Allah membuat perumpamaan (iaitu) seorang laki-laki (budak) yang dimiliki oleh beberapa orang yang bersyarikat yang dalam perselisihan dan seorang budak yang menjadi milik penuh daripada seorang laki-laki (saja); Adakah kedua budak itu sama halnya? Segala puji bagi Allah tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.)

**(az-Zumar:29)**

# إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (٥)

## Susunan Ayat

Pertamanya, ini adalah sebagai menunjukkan **adab** kepada Allah ﷻ, di mana disebutkan Allah ﷻ dahulu kerana **Allah ﷻ lebih mulia**.

Terdapat susunan yang lain dalam ayat ini daripada kebiasaan susunan bahasa Arab. Ini kerana kalau hendak disampaikan maksud “kami sembah kepada Engkau”, perkataan *نَعْبُدُكَ* boleh digunakan iaitu perkataan ‘kamu’ dalam bentuk *ك* diletakkan di hujung. Akan tetapi susunan dalam ayat ini berlainan. *إِيَّاكَ* (hanya Engkau) diletakkan di permulaan ayat.

Kemudian, Allah mendahulukan sembah daripada pertolongan adalah disebabkan itu adalah syarat untuk mendapatkan pertolongan.

## أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (٦)

**أَهْدِنَا** Hidayah bukan hanya tahu yang benar, tapi **kekuatan untuk ikutinya**.  
Hidayah ada dua bahagian:

**Hidayah ilmu** ialah pendedahan kepada kebenaran. Contohnya: ilmu, pengajaran, nasihat, dakwah, atau peringatan yang disampaikan kepada seseorang dan boleh sampai kepada sesiapa sahaja — Muslim atau bukan Muslim

**Hidayah taufik** ialah kemampuan, kekuatan dan kesanggupan untuk menerima dan mengamalkan ilmu, menuju jalan yang benar.

Ramai orang dapat ilmu, tetapi hanya yang diberi taufik oleh Allah akan benar-benar berubah dan istiqamah.

## أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (٦)

Dalam ayat ini, kita sebenarnya meminta taufik dan hidayah kepada Allah ﷻ. Bukan semua orang mendapat taufik sebenarnya. Maka, ia adalah sebuah anugerah yang besar. Seperti yang Allah ﷻ firman dalam Al-Quran.

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ

(Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya, nescaya Dia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam;)

**[al-An'am:125]**

## أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (٦)

مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا

(Sesiapa yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah, maka dia lah yang berjaya mencapai kebahagiaan; dan sesiapa yang disesatkan-Nya maka engkau tidak sekali-kali akan beroleh sebarang penolong yang dapat menunjukkan (jalan yang benar) kepadanya.)

[al-Kahf:17]

## أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (٦)

الصِّرَاطَ Jalan kehidupan, keputusan, amalan – semua perlu dituntun ke arah yang benar.

Allah berfirman:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ

(Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain daripada Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah,)

**[Al-An'am:153]**

## أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (٦)

Nabi ﷺ bersabda:

لَقَدْ تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلَهَا كَنَهَارِهَا لَا يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي إِلَّا هَالِكٌ

(Sesungguhnya, aku telah meninggalkan kalian di atas jalan, seperti jalan yang sangat putih, malamnya sama dengan sianginya. Tiada yang menyimpang sesudahku dari jalan itu, kecuali orang (itu) akan binasa.)

**(Riwayat Ahmad 4/126; Ibnu Majah, No. 5 dan 43)**

## أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (٦)

**الْمُسْتَقِيمَ** Jalan yang lurus tanpa condong – bukan sekadar ‘baik’, tetapi konsisten di landasan wahyu.

(اِكْلَفُوا مِنَ الْعَمَلِ مَا تَطِيقُونَ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَمَلُّ حَتَّى تَمَلُّوا، وَإِنَّ أَحَبَّ الْعَمَلِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُهُ وَإِنْ قَلَّ، وَكَانَ إِذَا عَمِلَ عَمَلًا أَثْبَتَهُ رَوَايَةٌ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ)

“Lakukan kerja semampu kamu, kerana Allah tidak akan jemu sehingga kamu jemu. Pekerjaan yang paling dicintai Allah ialah pekerjaan yang dilakukan secara konsisten, walaupun sedikit. Dan apabila dia melakukan sesuatu pekerjaan, Dia akan bersabar dengannya.”

**(Riwayat Abu Daud)**

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

صِرَاطَ Ulang untuk menekankan – jalan ini sangat penting.

الَّذِينَ Kita ingin ikut golongan ini – mereka telah berjaya.

أَنْعَمْتَ Aku beri nikmat dan nikmat terbesar adalah hidayah – bukan wang, pangkat, atau dunia.

عَلَيْهِمْ Mereka sudah diberi – kita mohon untuk sertai mereka

صِرْطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

Kenapa jalan yang Aku beri nikmat, disebabkan Allah sahaja yang mampu memberi nikmat itu.

Ayat ini ditafsirkan dalam Ayat an-Nisa: 69

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ  
وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا

Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).

[an-Nisa':69]

## صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

Dalam ayat daripada Surah an-Nisa' ini, Allah ﷻ memberitahu yang jalan yang lurus itu adalah 'Ta'at kepada Allah ﷻ' dan 'Ta'at kepada Rasul'. Para Nabi, Siddiqin, Syuhada' dan Solehin.

Sabda Rasulullah:

قِيلَ لِلنَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - الرَّجُلُ يُحِبُّ الْقَوْمَ وَلَمَّا يَلْحَقْ بِهِمْ قَالَ  
الْمَرْءُ مَعَ مَنْ أَحَبَّ

Ada yang berkata pada Nabi ﷺ, 'Ada seseorang yang mencintai suatu kaum, namun dia tidak pernah berjumpa dengan mereka.' Nabi ﷺ lantas bersabda, 'Setiap orang akan dikumpulkan bersama orang yang ia cintai.'"

(HR Muslim No. 2640)

# صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

## APA MAKSUD NIKMAT?

Lihatlah kisah Umar رضي الله عنه melawat Nabi ﷺ dan nampak baginda tidur atas tikar. Kisahnya begini:

Umar ibn al-Khattab رَضِيَ اللهُ عَنْهُ berkata: Aku masuk ke kamar baginda sedang berbaring di tikar lalu aku duduk mendekatinya. Ketika baginda membetulkan sarungnya, aku melihat bekas tikar berkesan di rusuk baginda. Aku perhatikan sekeliling gudang itu. Aku tidak melihat berisi apa-apa, kecuali selonggok gandum kira-kira segantang dan qarazh sebanyak itu pula terletak di sudut dinding dan sehelai kulit sedang tergantung. Itulah hanya isi gudang simpanan baginda. Melihat keadaan seperti itu, air mata ku mengalir bercucuran. Lalu baginda bertanya: "Kenapa kamu menangis hai anak Khathab?" Jawabku, "Ya, Nabiyallah! Aku menangis kerana melihat tikar ini membekas di rusuk engkau. Dan gudang ini tidak ada apa-apa yang tersimpan di dalamnya. Padahal gudang Kaisar Rumawi dan Kisra Persia berlimpah-limpah dengan buah-buahan dan serba cukup adanya. Sedangkan anda adalah Rasulullah dan pilihan-Nya. Beginilah hanya keadaan gudang simpanan mu." Sabda Nabi ﷺ, "Hai anak Khathab! Tidak sukakah engkau, akhirat untuk kita dan dunia untuk mereka?" Jawabku, "Aku suka, ya Rasulullah!"

**(Sahih Muslim No. 1479)**

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

غَيْرِ  
tolak secara jelas – jangan ikut jalan lain.

الْمَغْضُوبِ  
Golongan yang dimurkai iaitu mereka yang tahu kebenaran tapi ingkar – simbol keangkuhan ilmu tanpa taqwa.

عَلَيْهِمْ  
Kemurkaan Allah benar-benar menimpa mereka.

Mereka adalah golongan **Yahudi** khususnya, dan orang kafir musyrik umumnya.

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

Memang Allah ﷻ murka kepada mereka seperti yang Allah ﷻ sebut dalam surah al-Baqarah: 90.

فَبَاؤُوا بِغَضِبِ عَلَيَّ غَضَبٍ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُهِينٌ

(Dengan sebab itu sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan Allah bertalu-talu, dan orang-orang yang kafir itu akan beroleh azab sengsara yang menghinakan.)

**[al-Baqarah:90]**

Ayat ini Allah menyatakan jalan yang dimurkai, menunjukkan bahawa bukan Allah sahaja murka dengan jalan itu, bahkan seluruh ummat dalam dunia ini murka dengan jalan itu.

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

**وَلَا الضَّالِّينَ** Bukan juga mereka yang tersesat walau ikhlas – simbol kejahilan tanpa ilmu.

Orang yang sesat yang dimaksudkan dalam Surah Al-Fatihah ini adalah penganut **Kristian atau Nasara**, umumnya kepada orang fasik. Mereka ini dijadikan contoh supaya senang kita tahu sifat mereka dan senang untuk kita bandingkan diri kita sendiri.

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam firman-Nya:

قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ

(mereka telah sesat sebelum (kedatangan Muhammad) dan mereka telah menyesatkan kebanyakan (manusia), dan mereka tersesat dari jalan yang lurus.)

**[Al-Maidah: 77]**

Juga telah sahih daripada Nabi ﷺ bahawa baginda bersabda:

الْيَهُودُ مَغْضُوبٌ عَلَيْهِمْ وَالنَّصَارَى ضَالُّونَ

“Yahudi itu dimurkai dan kaum Nasara adalah orang-orang yang sesat”.

(HR. Tirmidzi daripada ‘Adi bin Hatim رضي الله عنه, disahihkan Al-Albani رحمه الله dalam Shahih Al-Jami’ no 8202)

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (٧)

Ini seperti yang Allah ﷻ sebut dalam Baqarah: 26

وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا ۖ يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ  
كَثِيرًا ۗ وَمَا يُضِلُّ بِهِ إِلَّا الْفَاسِقِينَ

(dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: “Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?” (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik;)

# الفَاتِحَة

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ١

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ٢

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ٣ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ٤

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ٥ أَهْدِنَا

الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ٦ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ

عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ

وَلَا الضَّالِّينَ ٧



# Tajwid & Tadabbur Al Fatihah

**SESI PERCUMA**  
**KHAMIS | 10 JULAI 2025**